

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SPU304 - Penganalisaan Dasar Awam

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab sebarang **TIGA** (3) soalan sahaja. Tiap-tiap soalan mempunyai markah yang sama.

1. Penganalisaan dasar awam dalam bidang Sains Politik hanya boleh berkembang jika sarjana-sarjana bidang ini berjaya meningkatkan pengetahuan mengenai bagaimana kegiatan-kegiatan, keputusan-keputusan dan tindakan-tindakan dasar kerajaan difahami dan dijelaskan. Bincangkan.

(100 markah)

2. Peringkat-peringkat awal perkembangan sebarang dasar awam memanglah mencerminkan satu proses dasar yang rumit dan, mengikut Charles O. Jones, sarjana-sarjana "yang menghadkan kajian tentang dasar awam hanya kepada kegiatan-kegiatan di dalam institusi-institusi politik meninggalkan banyak perkara yang penting. Perjuangan tentang dasar mungkin ditentukan di peringkat-peringkat awal kemunculan isu dan penetapan agenda (agenda setting)". Bincangkan.

(100 markah)

3. Proses dasar tidak berakhir dengan perumusan dan pembentukan sesuatu dasar awam tetapi diteruskan dengan kegiatan perlaksanaan. Apakah makna perlaksanaan? Jelaskan dan bincangkan kegiatan perlaksanaan ini.

(100 markah)

...2/-

4. Jelaskan dan bincangkan ketepatan pandangan Oliver S. Saasa bahawa di negara-negara membangun rakyat umumnya tidak mengetahui tentang isu-isu dasar, dan justru bersikap apati, dan sebenarnya elit-elit politik dan birokrasi membentuk pendapat massa dan bukan sebaliknya.

(100 markah)

5. Sejauhmanakah proses dasar di Malaysia menggariskan hakikat bahawa Malaysia sebenarnya adalah satu negara pentadbiran?

(100 markah)

6. Jelaskan dan bincangkan konteks sosio-ekonomi dan politik perkembangan Dasar Ekonomi Baru di Malaysia.

(100 markah)

7. SAMA ADA

- (a) Bandingkan sejaughmanakah model inkrementalisme dan model rasionalisme berfaedah dan dapat meningkatkan pemahaman anda tentang proses pembentukan dasar.

ATAU

- (b) Model-model dasar awam "tidak bersifat persaingan, iaitu tidak sebarang satupun di antara mereka yang dapat diputuskan sebagai model yang 'terbaik'. Setiap model memberi satu fokus berasingan tentang kehidupan politik, dan setiap model boleh membantu kita bagi memahami perkara-perkara berbeza mengenai dasar awam" Bincangkan sejaughmana kenyataan ini benar secara mengkaji model inkrementalisme dan model rasionalisme.

(100 markah)